

Ekoran kerap siarkan berita tidak berasas

# Kerajaan akan awasi Harakah - PM

UM 18 NOV 1990  
KUALA LUMPUR 11 Nov. - Kerajaan akan mengawasi Harakah yang menjadi suara rasmi Pas ekoran beberapa laporannya yang dikatakan tidak berasas, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri menegaskan bahawa kerajaan akan hanya bertindak menyiasat dan menegur akhbar itu sekiranya menerima aduan daripada orang ramai.

Sehubungan itu, beliau berharap Harakah dan akhbar - akhbar lain supaya bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kebebasan yang diberikan oleh kerajaan kepada media massa.

"Kita mempunyai dasar yang liberal dan tidak bertindak apa - apa melainkan jika akhbar membuat sesuatu yang melanggar undang - undang, baru boleh ambil tindakan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas majlis perasmian Hari Keluarga Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta reaksinya mengenai kenyataan Pergerakan Pemuda UMNO Kedah yang meminta kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap Harakah kerana kerap menyiarkan berita yang tidak berasas dan berunsur fitnah.

Menurut Perdana Menteri, sesiapa sahaja berhak untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mana - mana akhbar yang menyiarkan berita yang tidak berasas.

"Dalam pada itu saya sedar akhbar masa kini cukup bijak. Dia boleh mengata orang dengan cara yang tidak boleh didakwa," katanya.

Mengenai jawatan dua timbalan menteri yang masih boleh di isi, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, perkara tersebut masih dalam peringkat rundingan dengan MIC dan perantakan akan dibuat apabila segalanya selesai.

Mengenai krisis Teluk, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pendirian Malaysia dalam perkembangan terbaru krisis itu ialah masyarakat antarabangsa hendaklah menunggu sehingga sekatan ekonomi ke atas Iraq mendatangkan kesan.

Tegas Perdana Menteri, sebarang tindakan selanjutnya termasuk menggunakan kuasa tentera terhadap Iraq supaya berundur dari Kuwait mungkin boleh diambil setelah proses sekatan ekonomi itu mencapai matlamatnya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia hanya akan mempersetujui sebarang tindakan yang diambil oleh Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita tidak boleh benarkan kalau kita hendak setuju pun. Kita hanya akan setuju terhadap keputusan yang diambil oleh PBB," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas tindakan Amerika Syarikat untuk memajukan resolusi bagi membenarkan tentera PBB menentang Iraq bagi mengusirnya dari Kuwait.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun dalam menunggu sekatan ekonomi terhadap Iraq mendatangkan kesan, Malaysia sedar langkah tersebut akan mengakibatkan rakyat Kuwait yang ditawan terus tertindas.

"Kita sedar bahawa rakyat Kuwait yang dikatakan telah disiksa dan ditindas, mungkin mereka teraniaya kerana usaha untuk membebaskan Kuwait mengambil masa yang panjang."

"Mungkin, kalau ada yang dibunuh. Ini sesuatu yang menyedihkan. Sebenarnya sukar bagi kita membuat keputusan," jelasnya.

Mengenai suasana yang semakin 'panas' dalam krisis Teluk yang dikhuatiri mencetuskan peperangan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan itu mungkin berpunca daripada peningkatan kekuatan tentera.

"Saya percaya kalau satu pihak menaikkan bilangan dan kekuatan tentera, satu pihak lagi akan berbuat demikian. Hal ini, kita tidak begitu senang hati," katanya.

Mengenai peranan Pertubuhan Negara Islam (OIC), Perdana Menteri berkata, pertubuhan itu tidak boleh memainkan peranan untuk menyelesaikan krisis tersebut.